

# Kesan Perubahan Iklim terhadap Kanak-kanak: Perspektif Malaysia

Bukti dan saranan dari kajian pertama di Malaysia yang berfokus kepada kanak-kanak, perubahan iklim dan kemerosotan persekitaran\*

## Kecemasan peringkat global



### Perubahan iklim

Walaupun fenomena semula jadi, perubahan iklim dipercepatkan dengan pelepasan **gas rumah hijau** dari aktiviti antropogenik (aktiviti manusia) seperti:

1. Pembakaran bahan api fosil
2. Penebangan hutan
3. Penternakan
4. Baja
5. Gas berfluorin.



### Kemerosotan persekitaran

Disebabkan oleh **pencemaran** serta:

1. Perubahan penggunaan tanah dan tutup bumi
2. Urbanisasi
3. Pertambahan penduduk
4. Perindustrian



Malaysia telah terdedah kepada perubahan iklim dalam pelbagai bentuk:



Pola hujan berubah



Kenaikan suhu



Keadaan cuaca yang mengancam nyawa

## Konteks Malaysia: enam penemuan utama

**Tidak semua aspek hak kanak-kanak dipertimbangkan** dalam kerangka pemerintahan Malaysia mengenai iklim dan persekitaran.

Walaupun kanak-kanak perempuan cenderung lebih rentan daripada kanak-kanak lelaki, **setiap jantina terkesan dengan kaedah berbeza.**

**Kanak-kanak dalam komuniti terpinggir lebih rentan terhadap risiko iklim dan persekitaran.** Risiko ini akan bertambah buruk apabila wujud faktor-faktor seperti kemiskinan, buta huruf, kurangnya akses kepada perkhidmatan dan pengetahuan asas, serta keadaan perumahan yang teruk dan persekitaran kehidupan yang kurang sihat.

Perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar **semakin meningkat** di Malaysia seiring dengan pembangunan yang semakin pesat.

**Hak kanak-kanak dilindungi pada tahap yang berbeza-beza** bergantung pada keadaan masyarakat dan keadaan geografinya.

Perubahan iklim dan kemerosotan persekitaran yang mempercepat menimbulkan **risiko serius bagi kanak-kanak** di Malaysia. Daripada kejadian banjir dan penyakit bawaan vektor hingga ke pengurangan kualiti udara dan pengurusan sisa berbahaya yang tidak selamat, impak yang besar akan ditanggung oleh kanak-kanak berbanding dengan orang dewasa, dengan kesan dari segi:

- kesihatan dan kesejahteraan
- pendidikan
- punca pendapatan pada masa akan datang

\* Kajian awalan ini dijalankan antara bulan Mac 2020 dan Mei 2021 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sabah dan UNICEF Malaysia.



## Kesan terhadap kesihatan dan kesejahteraan

Di Malaysia, perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar memberi kesan kepada kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak melalui **empat cara**.



Kecederaan, kematian dan penyakit bawaan air dikaitkan dengan banjir



Penyakit bawaan vektor yang sensitif iklim seperti malaria dan denggi



Masalah kesihatan dikaitkan dengan pencemaran udara



Risiko kesihatan daripada pendedahan kepada bahan kimia, dan sisa bahan berbahaya

## Denggi dan perubahan iklim

**Keadaan lebih panas** → membolehkan nyamuk mencapai kematangan dengan lebih cepat

**Hujan** → mewujudkan tempat pembiakan

**Kelembapan** → mempengaruhi kadar penyejatan tempat pembiakan

## Peluang intervensi di Malaysia

Pada aras masyarakat dan penggubal dasar, keperluan kanak-kanak perlu diutamakan dalam strategi mitigasi dan adaptasi perubahan iklim di Malaysia.



### 1 Melangkah ke arah kerangka governans yang lebih peka kanak-kanak.

- Undang-undang, dasar dan pelan yang menegenahkan kerentanan kanak-kanak terhadap perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar.
- Semua sektor diselaraskan untuk menangani impak.
- Mengenal pasti bahaya alam sekitar sebagai penyebab yang mungkin merisikokan kanak-kanak dalam kerangka undang-undang Malaysia.
- Penyelarasan dan sinergi antara peringkat persekutuan dan negeri.

### 2 Memperkasa sektor pendidikan untuk menjadi pintar iklim.

- Kandungan pendidikan pintar iklim disertakan dalam kurikulum Malaysia.
- Dokongan untuk guru untuk membolehkan mereka mengajar sains iklim dan impak serta penyelesaian tempatan.
- Sekolah pintar iklim dan infrastruktur yang tahan terhadap bencana alam.

### 3 Mendokong kumpulan sokongan dan perwakilan kanak-kanak dan golongan rentan.

- Penyertaan bermakna oleh kanak-kanak dalam proses dasar berkaitan dengan iklim dan persekitaran.
- Penglibatan masyarakat sivil dan pelaku-pelaku lain.
- Penggunaan platform digital (termasuk media sosial) untuk keterlibatan sivik.

### 4 Menjalankan lebih banyak kajian dan pembangunan (R&D).

- Garis panduan berpusatkan kanak-kanak tentang komponen kesihatan dan indikator berkaitan iklim dan persekitaran.
- Modul latihan tentang perubahan iklim untuk guru serta bahan-bahan untuk pelajar.
- Kaedah pendidikan alternatif bagi mengurangkan gangguan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam tempoh tekanan persekitaran dan iklim.
- Mekanisme pemantauan dan penilaian untuk program intervensi.

### 5 Membina kerjasama di antara pihak awam dan swasta.

- Membangunkan dan mempromosikan penyelesaian inovatif dalam usaha mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.
- Kemajuan dalam sistem pendidikan swasta dapat diterapkan dalam pembangunan pendidikan pintar-iklim.
- Penerimgunaan program-program alam persekitaran, sosial dan governans yang meningkatkan penyertaan kanak-kanak.

## Kanak-kanak terpinggir

Kanak-kanak terpinggir amat terkesan oleh peristiwa cuaca ekstrem, khususnya melalui lima cara:

1. **Penyakit berjangkit**, dengan kanak-kanak terpinggir lebih rentan disebabkan kesedaran mengenai kebersihan diri yang rendah, kekurangan sumber air bersih dan air pili, dan tabiat pembuangan sampah yang tidak betul
2. **Gangguan akses kepada pendidikan** apabila kanak-kanak tidak dapat sampai ke sekolah
3. **Gangguan akses kepada kemudahan asas dan bekalan** seperti perkhidmatan kesihatan, air dan sumber makanan
4. **Ketidastabilan sumber pendapatan keluarga**, yang mungkin menyebabkan kanak-kanak terpaksa berhenti sekolah
5. **Bahaya kesihatan dan kesejahteraan hidup terjejas** apabila rumah dan infrastruktur lain mengalami kerosakan, dan apabila kanak-kanak terpaksa tinggal di ruang terkurung untuk jangka masa yang panjang.